

# RM500 juta indahkan Sungai Klang, Gombak

kosmo 22/10/12 ms 17.

Oleh NOR IDAYU BOSRO  
idayu.bosro@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Projek Sungai Nadi Kehidupan atau *River of Life* di Sungai Gombak dan Sungai Klang di ibu negara akan memasuki fasa kedua tahun depan yang melibatkan kerja-kerja pengindahan sungai dengan membabitkan kos sebanyak RM500 juta.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin (**gambar kecil**) berkata, kerja-kerja pengindahan pada peringkat awal akan ditumpukan di kawasan Masjid Jamek sepanjang tiga kilometer.

Menurut beliau, keseluruhan projek yang melibatkan Sungai Klang dan Sungai Gombak sepanjang 10.7 kilometer itu dijangka mengambil masa empat atau lima tahun untuk disiapkan.

"Fasa pertama yang membabitkan kerja-kerja pembersihan sungai kini giat dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak dua tahun lalu di sekitar Lembah Klang.

"Pihak konsultan yang buat reka bentuk sudah hampir selesai menyiapkan



**KERJA-KERJA** pengindahan pada peringkat awal pengindahan sungai akan ditumpukan di kawasan Masjid Jamek, Kuala Lumpur.



pelan reka bentuk di kawasan utama (Masjid Jamek) dan orang ramai akan nampak perbezaan apabila kerja-kerja pengindahan bermula kelak," katanya pada selepas menghadiri Program Korban Perdana

anjaran Parlimen Lembah Pantai di Masjid Ar-Rahman di sini semalam.

Pada majlis tersebut, sebanyak 10 ekor lembu untuk ibadah korban sempena sambutan Aidiladha diagih-

kan kepada penduduk dan fakir miskin di sekitar kawasan Lembah Pantai.

Sementara itu, Raja Nong Chik memberitahu, syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan Pelan Induk Pengindahan dan Reka Bentuk projek itu, Aecom akan membuka pejabat cawangannya di ibu negara.

Menurut beliau, firma perunding berpangkalan di Amerika Syarikat itu akan menjadi satu-satunya syarikat yang melabur di kawasan Greater KL dan Lembah Klang selain menjadi penasihat bagi projek berkenaan.

"Secara kebetulan, syari-

kat itu akan melabur di InvestKL dan membuka pejabat cawangan di ibu negara.

"Mereka (Aecom) memang terkenal dalam kerja-kerja mengindahkan sungai di Amerika Syarikat seperti di San Antonio, San Fransisco dan Los Angeles," ujarnya.

Projek *River of Life* yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 1 Julai tahun lepas adalah sebuah projek permulaan yang dikenal pasti dalam Bidang Ekonomi Utama Greater Kuala Lumpur di bawah Program Transformasi Kerajaan.